

19/08/1997

Sistem gilir Ketua Menteri kekal

KOTA KINABALU, Isnin - Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum terbesar di Sabah akan diteruskan kerana ia tidak menimbulkan masalah, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak nampak timbul masalah mengenainya, malah sehingga kini pentadbiran kerajaan negeri berjalan lancar. Walaupun beberapa rombakan Kabinet negeri dilakukan sepanjang pelaksanaannya, ia tidak bermakna sistem itu tidak baik.

Beliau berkata, rombakan yang dilakukan di peringkat negeri adalah atas kebijaksanaan Ketua Menteri bertujuan menyesuaikan kedudukan seseorang dengan jawatan bagi membolehkannya menjalankan tugas dengan berkesan.

"Ia berjalan lancar. Saya tidak nampak mereka bergaduh sesama sendiri," katanya pada sidang akhbar di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini sebelum berlepas ke Sarawak, pagi ini.

Perdana Menteri yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengakhiri lawatan tiga hari ke Sabah. Beliau tiba di Sandakan Sabtu lalu dan melawat pusat perhutanan di Deramakot, Kinabatangan.

Janji menggilirkan jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum terbesar di Sabah - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina dibuat oleh Perdana Menteri ketika kempen pilihan raya negeri 1994.

(END)